



MAJLIS PERBANDARAN JASIN KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa kepada SYARIKAT-SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN BERLESEN untuk menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa senjata di Vista Alamanda, Majlis Perbandaran Jasin. Butir-butir sebutharga adalah seperti berikut :-

NO. SEBUTHARGA	TAJUK SEBUTHARGA	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPOH TAWARAN IKLAN	JUALAN DOKUMEN
S21/2026	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata di Vista Alamanda, Majlis Perbandaran Jasin bagi Tempoh Jun 2026 hingga Mei 2028 <u>DOKUMEN</u> <u>SEBUTHARGA :</u> RM20.00	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan (Bumiputera) Dibawah Kod Bidang 220801 Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	30 April 2026 hingga 6 Mei 2026	7 Mei 2026 hingga 13 Mei 2026

1. Segala butiran dan dokumen boleh dimuat turun di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Dokumen ini hanya boleh diperolehi secara atas talian mulai 7 Mei 2026 sehingga 13 Mei 2026. Syarikat-syarikat yang berminat dikehendaki mengemukakan salinan pendua dan dokumen asal seperti berikut :-
 - 1.1 Lesen untuk menjalankan Urusan Agensi Persendirian di bawah Seksyen 3, Akta Agensi Persendirian 1971 yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri bagi menguruskan agensi persendirian di bawah Seksyen 2 (a) Akta yang sama.
 - 1.2 Sijil Akaun Pendaftaran Kontraktor bertaraf BUMIPUTERA yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dalam bidang Perkhidmatan di bawah kod bidang 220801 Perkhidmatan Kawalan Keselamatan dan pendaftaran pembekal di Majlis Perbandaran Jasin.
 - 1.3 Sijil Keahlian Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia.
 - 1.4 Surat Kementerian Dalam Negeri yang meluluskan negeri/kawasan tertentu bagi syarikat menjalankan operasi.

- 1.5 Sijil Perakuan Perbadanan Syarikat Sendirian yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar Syarikat Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965.
2. Dokumen Sebutharga mestilah sampai ke Majlis Perbandaran Jasin sebelum atau pada **13 Mei 2026 jam 12.00 tengahari**. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali. Sebutharga adalah sah selama sembilan puluh (90) hari selepas itu.
3. Dokumen Sebutharga yang telah dilengkapkan hendaklah ditulis No. Sebutharga dan tajuk di sudut atas sebelah kiri sampul surat serta dimeterai dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga di Majlis Perbandaran Jasin** dan menulis Tajuk Sebutharga :

SEBUTHARGA 21/2026 : PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI VISTA ALAMANDA, MAJLIS PERBANDARAN JASIN BAGI TEMPOH JUN 2026 HINGGA MEI 2028

4. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jasin tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebutharga.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN JASIN**

Tarikh Iklan : 30 April 2026